

Dr M jumpa pengasas Umno menetap di Yemen

23 AUG 2001

SUBANG, Rabu – Ramai orang Yemen boleh bercakap dalam bahasa Melayu, malah salah seorang daripada mereka adalah pengasas Umno bersama dengan Tan Sri Syed Jaafar Albar di negara ini 40 tahun lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Bila dia jumpa saya di Seiyun, dia tunjuk kepada saya dan berkata...ini (orang) Umno,” kata Perdana Menteri tanpa menyebut nama pengasas Umno itu yang kini menetap di Yemen.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sekembalinya dari lawatan ke Yemen (15 hingga 18 Ogos) dan kemudian ke Uganda untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsi Pinter Global 2001 di Kampala, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, memang diakui bahawa ramai di kalangan ahli parti itu termasuk pengasasnya dahulu yang mempunyai kaitan dengan rakyat Yemen terutama mereka yang bernama Syed.

Katanya, bekas Speaker Dewan Rakyat Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail dan Allahyarham Syed Jaafar iaitu bekas Ketua Pemuda Umno, mempunyai hubungan kekeluargaan di Yemen.

“Ini kali pertama saya buat lawatan rasmi ke Yemen.

Pada 1992, saya pergi ke Aden (bandar pelabuhan Yemen), masa itu belum lagi merdeka. Saya dapati hubungan Yemen dengan Malaysia amat rapat sejak ratusan tahun dulu.

“Ini kerana orang Hadramaut (tempat ramainya ulama dan pelajar Malaysia) yang datang ke Malaysia untuk membawa agama Islam dan ramai daripada mereka terus tinggal di Malaysia. Sebab itu ramai daripada Syed yang ada di Malaysia ini, orang Yaman...balik ke sana tengok kubur nenek moyang mereka,” katanya.

Bagaimanapun katanya, walaupun agama Islam datang dari Yemen, pada satu ketika bahagian selatan negara itu menjadi komunis kerana mereka menolak Islam.

Beliau berkata ini terjadi disebabkan masalah kemiskinan dan ketika itu mereka mendapat bantuan dari Russia, China dan Cuba, menyebabkan mereka tertarik dan menerima fahaman komunis.

Dr Mahathir berkata, semasa di Yemen beliau sempat pergi ke Taarrim untuk menemui pelajar Malaysia di University Al-Ahqaq dan ulama agama di sana meskipun di pertengahan jalan, banjir kilat melanda.

“Bagi saya ini satu pengalaman yang luar biasa (melihat banjir kilat di padang pasir),” katanya.

Katanya, meskipun Yemen tidak begitu maju, ramai daripada mereka telah pergi ke seluruh dunia untuk mengembara.

Beliau berkata, kini sejuta rakyat Yemen berada di Arab Saudi dan ramai lagi berada di Indonesia dan Malaysia.